

MESYUARAT PENGURUSAN MPOGCF KE-47 (2/2026) – PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

BIL	PERKARA	PIC	STATUS TERKINI
JABATAN PEMULIHARAAN & KEMAMPANAN			
1.	<p>Pemuliharaan Habitat Orangutan –</p> <p>i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal akan diadakan pada 10-Feb di Ibu Pejabat Perhutanan Sabah (JPS), Sandakan.. Agenda mesyuarat akan fokus kepada perancangan dan perbelanjaan Fasa 3 penanaman.</p> <p>ii) Susulan mesyuarat J/K Teknikal, lawatan lapangan projek di Lahad Datu akan dibuat pada 11hb-Feb.</p> <p>iii) Kerja penyelenggaraan Fasa ke-2, bagi pusingan ke-17 sedang berjalan di Kompartmen 153, Blok A-B-C.</p>	DANIEL	<p>i) Pembentangan pelan perancangan dan kewangan untuk Fasa 3 telah dibentangkan oleh pihak JPS di dalam mesyuarat JK Teknikal. Terdapat beberapa isu teknikal dan kewangan yang perlu diperhalusi oleh JPS sebelum dibawa ke Mesyuarat JK Pemandu Projek untuk kelulusan.</p> <p>ii) Lawatan ke tapak projek Fasa 2, dan tapak cadangan Fasa 3 telah dijalankan di Ulu Kawag, Hutan Simpan Ulu Segama Malua. Perjumpaan bersama Komuniti Nurseri Kg. Tampenau turut diadakan di mana isu pembekalan anak pokok Fasa 3 dibincangkan.</p> <p>iii) Kerja penyelenggaraan Fasa 2 bagi pusingan ke 17 (Blok A-B-C) telah siap dan dalam proses pembayaran (RM175,250).</p>
2.	<p>Inisiatif Industri Sawit Malaysia bagi Memulihara Kawasan Hutan Terosot dalam Kawasan Central Forest Spine Kelantan –</p> <ul style="list-style-type: none"> Sejumlah 2,962 pokok, iaitu 45% daripada keseluruhan sasaran telah ditanam melibatkan 13 spesies pokok hutan. Masih dalam proses mencari tarikh yang sesuai untuk menjalankan pemantauan susulan pertukaran staf di Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. 	FATIN	<p>Kontraktor sedang melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan.</p> <p>Sejumlah 3,262 pokok (50%) daripada keseluruhan sasaran telah berjaya ditanam melibatkan 13 spesies pokok hutan.</p> <p>Baki anak pokok masih dalam proses pembekalan daripada pihak pembekal kerana sebahagian anak pokok yang dihantar sebelum ini tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh JPNK, seperti keadaan batang pokok, dan sistem akar.</p>

3.	<p>Program Konservasi Harimau Malaya</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang dijadualkan pada 29 Januari 2026 telah ditunda ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. ● Kerjasama Pembiakbakaan Spesies Mangsa Harimau: Sesi mesyuarat teknikal telah dilaksanakan pada 14 Januari 2026. Pihak FELDA telah dimaklumkan untuk menyediakan maklumat penternak yang berpotensi untuk dibuat penilaian oleh Jabatan Perhilitan. ● Projek <i>Reproductive Hormone Profiling</i> bersama UiTM: laporan akhir telah dihantar dan disemak. Kini dalam proses penulisan dua kertas kajian saintifik untuk penerbitan. ● Projek <i>Genomics & Immunogenetics</i> bersama Monash University, kini dalam proses menunggu invois untuk penyaluran dana akhir. 	'AIZAT	<ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat Jawatankuasa Bersama akan dilaksanakan pada 31 Mac 2026. ● Kerjasama Pembiakbakaan Spesies Mangsa Harimau: Pihak FELDA telah mengemukakan senarai nama penternak yang berpotensi. Jawatankuasa akan mengadakan lawatan ke lokasi penternak berkenaan bagi menilai kesesuaian kawasan untuk pelaksanaan inisiatif tersebut. ● Projek <i>Reproductive Hormone Profiling</i> bersama UiTM: Surat pemulangan baki dana projek yang tidak terbelanja telah dihantar kepada UiTM. Pihak UiTM telah mengambil maklum dan kini dalam proses pemulangan tersebut. Penulisan kertas kajian saintifik masih dalam proses. ● Projek <i>Genomics & Immunogenetics</i> bersama Monash University, masih dalam proses menunggu invois untuk penyaluran dana akhir.
4.	<p>Borneo Elephant Sanctuary, Kinabatangan –</p> <p>Mesyuarat bersama Pengerusi ALPA dijangka akan diadakan bersama Pengarah Jbt Hidupan Liar Sabah, konsultan projek dan En. Jibus. Tarikh mesyuarat akan dimaklumkan dalam masa terdekat. Tentative 23 Feb di Pejabat KSU.</p>	DANIEL	<p>Mesyuarat telah diadakan pada 26-Feb di pejabat KSU, KPK, Putrajaya. Hasil perbincangan menyentuh penambaaian pelan pembangunan fasiliti baru BES, dan pembukaan tender kontraktor yang akan dilakukan oleh MPOGCF, dengan keputusan lantikan akan merujuk kepada JK Teknikal Projek.</p>
5.	<p>Penajaan <i>Wildlife Rescue Unit Sabah</i> –</p> <p>i) Kesemua staf unit WRU telah diserap sepenuhnya ke dalam Jbt Hidupan Liar Sabah (status kontrak bersyarat) bermula bulan Jan 2026.</p> <p>ii) Pembiayaan baru yang dipohon akan beralih fokus sepenuhnya kepada unit pengurusan gajah di Sabah.</p> <p>iii) Mesyuarat susulan bersama JHL akan dibuat bagi memuktamad peranan unit pengurusan gajah ini.</p>	DANIEL	<p>Kertas kerja bagi pembiayaan berterusan WRU akan diangkat ke mesyuarat BOT. Pembiayaan setahun ini akan berfokus kepada pasukan pelatih gajah, yang bertanggungjawab menangani konflik manusia-gajah melalui usaha operasi menyelamatkan, translokasi, latihan gajah, serta program pendidikan dan kesedaran awam.</p>

	<p>Projek Tabin Sun Bear</p> <p>Tenom semakin menunjukkan sifat berdikari dan dibiarkan berada di dalam hutan tanpa paksaan untuk kembali ke sangkar kecuali apabila diperlukan. Lokasinya terus dipantau secara konsisten melalui isyarat VHF.</p> <p>BSBCC juga masih dalam proses menyediakan laporan kemajuan projek.</p>	FATIN	Pemantauan lokasi dijalankan menggunakan antena VHF berikutan isyarat collar yang tidak konsisten, khususnya apabila Tenom berada di kawasan hutan yang lebih tebal.
	<p>Mewujudkan Koridor Gajah di Jeli, Kelantan</p> <p>Pegawai EXCO Kelantan telah memaklumkan bahawa mereka akan mengemukakan permohonan bagi mengadakan lawatan oleh wakil NGO tempatan dari Jeli, Kelantan ke Sungai Ara, Johor untuk sesi perkongsian berkaitan projek kewujudan bersama manusia dan gajah di Sungai Ara.</p>	AIZAT	Kertas permohonan bagi mengadakan lawatan wakil NGO tempatan Pertubuhan Cinta Pergau dari Jeli, Kelantan ke Sungai Ara, Johor masih dalam proses. Lawatan ini bertujuan mengadakan sesi perkongsian berkaitan projek kewujudan bersama manusia dan gajah yang dilaksanakan di Sungai Ara.
8.	<p><i>Guidelines For Biodiversity Friendly Oil Palm Plantations (UPM) –</i></p> <p>Guidelines berada di peringkat proofreading oleh Penerbit UPM. Pihak penerbit juga telah mengemukakan permohonan ISBN kepada Perpustakaan Negara Malaysia.</p>	ZALIFAH	<p>Penerbit UPM dalam peringkat editing/adjustment guidelines sebelum proses cetakan dibuat.</p> <p>Guidelines ini akan dilancarkan semasa Majlis Perasmian Biodiversity Forum 2026 iaitu pada 3 Jun 2026.</p>
9.	<p>Kursus HCV dan Biodiversiti kepada Industri Sawit (MSPO)</p> <p>Cadangan penubuhan Jawatankuasa Bersama MPOGCF & MSPO. Penganjuran 6 bengkel kepada industri (2 semenanjung, 2 Sarawak, 2 Sabah)</p>	ZALIFAH	<p>Surat cadangan kerjasama antara MPOGCF dan MSPO telah dihantar kepada MSPO pada 5 Mac 2026. Tujuan kerjasama ini adalah bagi menyelaraskan dan memperkukuh tadbir urus HCV dalam industri sawit Malaysia. Antara bentuk kerjasama adalah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Penubuhan Jawatankuasa Bersama MPOGCF & MSPO ● Penganjuran 6 bengkel kepada industri (2 semenanjung, 2 Sarawak, 2 Sabah)

10.	<p><i>Barn Owl for Oil Palm Smallholder Initiatives (BOSI) 2.0</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyaluran 40% dana pertama projek telah dibuat pada 19 Disember 2025. • Lawatan ke kawasan pelaksanaan akan diadakan sepanjang bulan Februari bagi memuktamadkan kesesuaian pemasangan kotak sarang burung pungguk. 	'AIZAT	Lawatan ke semua empat negeri akan diteruskan pada hujung bulan Mac bagi membuat tinjauan kawasan sekitar dan kesesuaian pemasangan sarang burung pungguk.
11.	<p><i>Bornean Orangutan and Elephant population survey -</i></p> <p>1) Laporan kemajuan dan kewangan bagi tahun pertama kajian telah diterima sepenuhnya (selepas semakan dan penambakan) pada Dis 2025. Pembayaran kedua dana telah dikredit pada 22-Dis 2025 sebanyak RM354,900.</p> <p>2) Laporan kemajuan dan kewangan bagi tahun pertama kajian telah diterima sepenuhnya pada Nov 2025. Pembayaran ketiga dana telah dikredit pada 22-Dis 2025 sebanyak RM271,200.</p>	DANIEL	<p>1) Surat pemulangan kenderaan MPOGCF (Hilux) telah diterima dari Dr. Nurzhafarina. Pemeriksaan dokumen dan kenderaan akan dibuat pada 13-15 Mac di UMS Kota Kinabalu bagi memastikan syarat-syarat perjanjian peminjaman dipatuhi.</p> <p>2) Laporan akhir populasi survey yang dijalankan di Ulu Kawag, Hutan Simpan USM telah diterima pada 07-Feb. Laporan kemajuan dan kewangan projek (Bil ke-4) bagi tempoh Jul-Dis 2025, turut diterima pada 26-Feb.</p>
12.	<p><i>Elephant grass planting –</i></p> <p>i) Permohonan lanjutan tempoh penyelidikan telah diterima dan dipersetujui pada 08-Dis 2025. Tarikh tamat tempoh projek yang baharu adalah pada Jun-2026.</p> <p>ii) Laporan kemajuan dan kewangan bagi tahun kedua kajian telah diterima pada Jan 2026.</p>	DANIEL	Pembentangan kemajuan pelajar MSc (Cik Watie - staf SSB) di bawah seliaan Prof Dr. Hasliza, telah diadakan di pej SSB, Brumas, Tawau pada 04-05 Mac. Lawatan ke tapak penanaman rumput Napier dan pemasangan Cam-Trap di sepanjang koridor hidupan liar turut dijalankan.
13.	<p><i>The Human-Wildlife Co-existence in the Oil Palm Plantation Strategic Plan (UKM)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kajian lapangan di Negeri Pahang dan Sarawak akan dilaksanakan selepas penyaluran sebanyak 50% daripada baki dana akhir projek dibuat. • Permohonan penyaluran dana telah dihantar oleh Ketua Projek dan kini dalam proses semakan pengurusan. 	'AIZAT	Penyaluran dana sebanyak 50% daripada baki dana akhir masih dalam proses kelulusan.

14.	<p>Eliciting Palm Oil Communities' Response towards Human-Malayan Tapir Issues in Negeri Sembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Projek telah selesai, pembentangan akhir telah dilaksanakan pada 9 Disember 2025. • Laporan akhir telah dihantar dan kini dalam semakan sebelum proses penyaluran akhir projek dibuat. 	'AIZAT	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan akhir masih dalam proses semakan sebelum penyaluran dana akhir projek dibuat. • Proposal projek susulan daripada UPM masih dalam proses perbincangan, dengan tujuan untuk menilai potensi dan melihat kesesuaian pelaksanaan projek tersebut sebelum langkah seterusnya ditetapkan.
15.	<p>Projek GEC - Biod Data Collection in Oil Palm Plantation adjacent to Binsulok & Padas Damit FR, Beaufort, Sabah</p> <p>i) Pembentangan terakhir projek telah dibuat pada 30-Jan 2026. Laporan kemajuan dan kewangan akhir projek telah diterima pada 03-Feb dan sedang dalam proses semakan.</p> <p>ii) Pembentangan dan perbincangan kesinambungan projek turut dibuat pada 30-Jan. Perincian kertas kerja untuk dibawa ke mesyuarat BOT sedang dibuat.</p>	DANIEL	i) Kertas kerja cadangan Fasa 2 projek yang dicadang penambahbaikan pada sesi pembentangan 30-Jan lepas, telah diterima pada 2-Mac. Dokumen akan dikongsi bersama pengurusan kanan bagi tujuan semakan dan penilaian seterusnya.
16.	<p><i>Biodiversity Value Of Epiphytes And Understory Vegetation On Microinvertebrates Diversity And Vertebrates Abundance In Malaysian Oil Palm Ecosystem (UiTM)</i></p> <p>Pemantauan kerja lapangan telah diadakan pada 26-28 Januari 2026 di Felda Bersia, Gerik Perak. Kerja lapangan ini telah dipantau oleh Nur Fatin Amirah, Dr. Nur Fatin dan Muhammad Asyraf Sawal.</p> <p>Kerja lapangan yang seterusnya dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2026.</p>	ZALIFAH	Penyelidik UiTM akan menjalankan persampelan fauna kali kedua (second Animal Sampling) di FELDA Bersia pada 25 - 31 Mac 2026.
17.	<p>Managing Biodiversity of Conservation Concern in Oil Palm Areas in Sarawak (UNIMAS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja lapangan tambahan telah diadakan pada bulan Januari 2026 di 	ZALIFAH	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja lapangan seterusnya akan diadakan pada bulan Jun 2026 di Wilmar Plantation. • Simposium Biodiversity in Oil Palm Landscapes in Sarawak (BIOPALS 2026) akan diadakan pada 13 Ogos 2026.

	<p>Wilmar Plantation. Kerja lapangan seterusnya akan diadakan pada bulan Jun 2026 untuk <i>retrieve camera trap</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Simposium Biodiversity in Oil Palm Landscapes in Sarawak (BIOPALS 2026) akan diadakan pada 13 Ogos 2026. 		<p>MPOGCF akan terlibat untuk buka reruai dan Majlis Pertukaran MOA bagi projek <i>bats</i>.</p>
18	<p>The Living Lab Project: Sustainable Conservation of Asian Elephants in YP Hevea, Kuala Sat (YAYASAN PAHANG dan UPM)</p>	ZALIFAH	<p>Surat Persetujuan Menyokong Pelaksanaan Projek Living Lab dan Niat untuk mengadakan MOU telah dihantar kepada Yayasan Pahang pada 5 Mac 2026.</p> <p>Majlis Pertukaran MOU antara MPOGCF, Yayasan Pahang dan UPM akan diadakan pada 3 Jun 2026.</p>
19	<p>Modelling the Impact of Nocturnal Wildlife on Oil Palm Production: A Framework for Optimising Oil Palm Production in line with Sustainability (Univ M'sia Sabah)</p> <p>i) MOU telah selesai ditandatangani pada 03-Nov 2025.</p> <p>ii) Permohonan Dana pertama sebanyak RM145,727 telah diluluskan dengan jumlah dikredit kepada UMS (24-Dis 2025) sebanyak RM83,027. Baki RM62,700 akan digunakan untuk pembelian peralatan penyelidikan.</p>	DANIEL	<p>i) Borang perolehan pembelian peralatan penyelidikan telah dihantar pada 19-Feb, dan sedang dalam proses pembayaran.</p> <p>ii) Surat memohon penyambungan penggunaan kenderaan MPOGCF (Hilux) telah diterima pada 23-Feb. Kelulusan telah diberi oleh pihak pengurusan kanan, dengan syarat perjanjian peminjaman baru perlu ditandatangani dan dipersetujui oleh UMS.</p>
20	<p>Biodiversity Forum 2026</p>	Dr Fatin	<ul style="list-style-type: none"> • Resolusi penganjuran Biodiversity Forum 2026 telah diluluskan oleh BOT pada 26 Februari 2026 • Lawatan tapak bagi persediaan lokasi forum telah dilakukan pada 4 Mac 2026 di Le Meridien Putrajaya, Marriott Putrajaya dan The Everly Putrajaya. • Perbincangan Kerjasama antara MPOGCF dan MPOA bagi Biodiversity Forum 2026 akan diadakan pada 10 Mac 2026 • Seterusnya, pemilihan tempat dan EO, serta agihan tugas kepada PIC terlibat (rujuk Lampiran Slaid) <p>https://docs.google.com/presentation/d/1YKAc_W7_EkaRAAKJlvOnKiYdyb8yTzw4/edit?slide=id.g3ca4687b30e_1_0#slide=id.g3ca4687b30e_1_0</p>

JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK			
19.	<p>Penghasilan video pendek untuk sosial media atau Branded Video Content</p> <p>Jabatan sedang mendapatkan sebutbarga daripada 3 vendor (APHD Channel, ML Studios dan The Patriots) untuk penghasilan video promosi MPOGCF.</p> <p>Dokumentari Bat-Based Habitat Assessment in Forest–Oil Palm Areas, Sarawak dengan kerjasama Wilmar Plantation dan UNIMAS</p>	<p>Ariff</p> <p>Sarah/SCD</p>	<p>APHD Channel telah mendapat maklum balas daripada Jabatan dan Jabatan Pemuliharaan mengenai video ‘Serangan Sawit Malaysia’ (6 Mac) dan sedang menyediakan video.</p> <p>Jabatan Komunikasi telah menerima 4 cadangan produksi video bagi projek “Assessing Multiple Functional Habitats in Forest Oil-Palm Interfaces using Bat Sampling in Wilmar Plantation” daripada ASA ESA, Motion Foundry, 3plepix dan Light Cube Studio Films. Kesemua cadangan tersebut kini dalam proses penilaian oleh Jawatankuasa Teknikal.</p>
20.	<p>Kandungan penjenamaan (branded content) atau pemasaran penjenamaan (branded marketing)</p>	<p>Sarah/SCD</p>	<p>Sedang dalam proses menyediakan kertas cadangan dan slido pembentangan untuk penerbitan papan iklan anmorfik (DOOH).</p>
22.	<p>Majlis Makan Malam Amal</p> <p>Jabatan telah mendengar pembentangan daripada dua EO iaitu GV Events dan Omni Future Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, jabatan akan mendengar pembentangan daripada satu lagi EO iaitu Creative Creeds pada 11 November. Jabatan juga telah menyediakan alternatif kepada pakej penjualan meja. Tarikh majlis adalah pada 20 Disember 2025 di Hotel Hilton, Petaling Jaya.</p> <p>Status</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lantikan EO - 50% 	<p>Ariff</p>	<p>Jabatan telah berbincang dengan Jabatan Pemuliharaan bagi pelaksanaan Majlis Makan Malam Amal. Bagi mengelak program yang seakan sama dalam tempoh singkat, Jabatan mencadangkan penjualan baju dilaksanakan bagi kutipan sumbangan dengan kos pencetakan baju tersebut menggunakan bajet Jabatan.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Lokasi - 100% ▪ Tarikh - 100% ▪ Jawatankuasa -0% ▪ Site visit - 0% 		
23.	<p>Majlis Penyerahan Kotak Rezeki dan Berbuka Puasa Pekebun Kecil Sawit Bersama YB Menteri KPK</p> <p>Taklimat mengenai penganjuran Majlis berbuka puasa telah disampaikan kepada 3 EO (Harian Metro, 3plepix dan Picasso Media.</p> <p>Pejabat Menteri mohon program dijalankan di Parlimen Parit Sulong, Johor.</p> <p>Jabatan telah memaklumkan kepada PKPKM dan akan berbincang lanjut mengenai program termasuk lokasi program. Tarikh yang dicadangkan adalah pada 6 Mac 2026 (Jumaat).</p>	Ariff / Hakimi	<ul style="list-style-type: none"> • <p>MPOGCF melantik Harian Metro sebagai penganjur majlis.</p> <p>Program ini akan dijalankan di Dewan Tmn Seri Sulong, Parit Sulong, Johor pada tarikh baru iaitu 14 Mac 2026 (Sabtu).</p> <p>Jabatan telah menghantar jemputan kepada pejabat Menteri, MPOB, MPOC, ALPA, MSPO, UKK dan BISS KPK serta PKPKM.</p>
24.	<p>Kolaborasi</p> <p>Zus Coffee</p> <p>Zus Coffee menunjukkan minat terhadap projek penanaman pokok bagi program OUDip. Perbincangan seterusnya akan melibatkan wakil Sawit Kinabalu.</p> <p>Hyper Gear</p> <p>Jabatan telah menghantar emel jemputan perbincangan awal bersama wakil Hyper Gear untuk tujuan kolaborasi.</p>	Ariff / Hakimi Ariff	<p>Sawit Kinabalu telah menghantar 5-year tree planting proposal kepada Zus Coffee menerusi email pada 3 mac dan kini mereka dalam proses rundingan bagi mendapatkan harga yang dipersetujui kedua pihak.</p> <p>Jabatan telah membuat beberapa percubaan susulan melalui emel kepada Hyper Gear bagi mendapatkan maklum balas. Namun tiada respons diterima dalam tempoh yang munasabah. Bagi tujuan penutupan rekod dan perancangan seterusnya, satu emel rasmi telah dihantar memaklumkan bahawa kolaborasi ini tidak diteruskan pada masa ini.</p> <p>Jabatan akan cuba mendapatkan organisasi lain seperti Tahan Outdoor bagi tujuan yang sama di masa akan datang.</p>

25.	Jelajah Sawit Hijau Borneo Edition	Hakimi	Media Prima telah menghantar proposal. SMG dalam proses menyiapkan proposal dan akan dihantar secepat mungkin. Cadangan lokasi akan diadakan di Sabah (1lokasi) dan Sarawak (1lokasi)
26.	Anugerah Langkawi Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS) Jabatan sedang meneliti syarat-syarat dan peraturan serta keperluan bagi menyertai ALKAS. Selain ALKAS, terdapat beberapa anugerah lain yang boleh disertai bagi tahun ini termasuklah GPM Sustainability Awards dan Sustainability & CSR Awards	Ariff	Jabatan dalam proses melengkapkan borang penyertaan ALKAS. Disebabkan tarikh tutup penyertaan adalah pada Mei 2026, Jabatan memberikan laluan kepada projek-projek lain terlebih dahulu.
JABATAN KEWANGAN & PENTADBIRAN			
25.	Pemurnian Terma dan Syarat Surat Iktan Amanah Draf SIA telah diserahkan pada LHDN pada 12 Januari 2026. Masih menunggu maklum balas.	ISMAIL/ MIMI	Perubahan SIA masih di bahagian cukai LHDN untuk tujuan semakan.
26.	Audit Pengurusan MPOGCF oleh KPK Audit pengurusan MPOGCF oleh Jabatan Audit Dalam KPK masih diteruskan. Mesyuarat Jawatankuasa Audit di KPK pada 16 Januari 2026 – Maklum balas berkaitan jumpaan audit dalaman perlu diserahkan sebelum 16 Mac 2026.	ISMAIL/ MIMI	Draf maklum balas akan diserahkan sebelum 13 Mac 2026.